

21 NOV 2002

Negara-Gulung

SISTEM PEMBERIAN MARKAH DIKAJI BAGI PROGRAM KHIDMAT NEGARA

KUALA LUMPUR, 21 Nov (Bernama) -- Kementerian Pertahanan sedang mengkaji untuk mengadakan satu sistem pemberian markah kepada para belia yang mengikuti program Khidmat Negara yang akan dilaksanakan pada tahun 2004.

Timbalan Menteri Datuk Mohd Shafie Apdal berkata dengan pemberian markah itu, para belia yang terlibat dalam program itu boleh menggunakannya sebagai satu kelebihan untuk memasuki kolej, universiti atau untuk mendapat pekerjaan.

Shafie berkata demikian ketika menggulung perbincangan Bajet 2003 pada persidangan Dewan Negara di sini, hari ini.

Kurikulum program Khidmat Negara itu sedang dirancang dan ia akan dibuat supaya menyeronokkan dan bukan bersifat penderaan.

Menyentuh masalah perumahan di kalangan anggota tentera, katanya masalah itu dijangka dapat diselesaikan dalam masa terdekat dengan siapnya 3,963 rumah pelbagai jenis yang dibina oleh Syarikat Perumahan Negara (SPN).

Masalah perumahan di kalangan anggota tentera hanya dialami oleh mereka yang berkhidmat di kawasan bandar kerana terhadnya kemudahan itu, katanya.

Beliau berkata sehingga kini seramai 1,367 anggota tentera yang layak mendapat rumah kediaman masih belum menerima kemudahan itu kerana jumlah rumah keluarga dari pelbagai jenis yang ada sekarang hanya terdapat sebanyak 34,655 buah rumah berbanding 36,022 anggota tentera yang layak memilikinya.

Sementara itu, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Tengku Azlan Sultan Abu Bakar berkata penerangan mengenai masalah kelewatan proses penyelesaian pelbagai kes di Mahkamah Syariah akan dibuat melalui penyebaran risalah, dialog dan mengadakan kaunter penerangan.

Cara-cara itu diharapkan dapat mengurangkan tanggapan negatif masyarakat terhadap perjalanan Mahkamah Syariah, dan tidak terus menyalahkan pihak mahkamah semata-mata jika menghadapi masalah.

"Kerajaan mengakui bahawa sistem dan prosedur Mahkamah Syariah menjadi salah satu punca terdapatnya kes-kes yang mengambil masa yang lama untuk diselesaikan, tetapi masalah mendapatkan kerjasama daripada kedua-dua pihak juga adalah salah satu faktor utama kelewatan itu," katanya.

Manakala Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata cadangan yang meminta Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir menjadi Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) adalah satu agenda besar dan sehingga kini Dr Mahathir belum menyuarakan mengenai perkara itu.

Beliau turut menyatakan kekecewaannya terhadap peristiwa pergaduhan yang melibatkan pelajar Malaysia di Jordan kerana ia menjatuhkan imej negara yang dikagumi oleh negara-negara luar.

Persidangan dewan disambung Isnin depan.

-- BERNAMA

ZMN HK PR